

## Impak Pembangunan Pelancongan ke atas Persekitaran Manusia dan Fizikal Komuniti Pulau Tioman

### *The Impact of Tourism Development on Humanity and Physical Environment of Pulau Tioman Community*

NORLIDA HANIM MOHD SALLEH, MD SHAFIIN SHUKOR & SITI HAJAR MOHD IDRIS

#### ABSTRAK

*Pembangunan pelancongan mesti membawa impak kepada komuniti tempatan dari aspek persekitaran manusia (ekonomi, sosial dan budaya) mahupun persekitaran fizikal. Jika pembangunan ini membawa manfaat, ia akan memberi kesan dari aspek sokongan dan pembangunan masa hadapan. Pembangunan pelancongan di Pulau Tioman telah melibatkan komuniti tempatan dan dijangka membawa impak seperti dinyatakan di atas. Sebagai bukti, sejumlah 228 komuniti tempatan di Pulau Tioman telah ditemu bual dengan berbantuan borang soal selidik dalam usaha mengenal pasti sama ada mereka memperoleh impak daripada pembangunan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan dan apakah mereka menyokong pembangunan pada masa hadapan. Kaedah Struktural Equation Model (SEM) dengan menggunakan perisian Smart Partial Least Square (SmartPLS) digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhan komuniti tempatan mendapat impak positif sama ada dari segi ekonomi, sosial, budaya mahupun alam sekitar. Komuniti berpuas hati dengan impak yang mereka peroleh mengikut urutan; impak yang paling terkesan adalah impak sosial, diikuti oleh impak alam sekitar, budaya dan ekonomi. Dengan itu, komuniti tempatan memberi sokongan kepada pembangunan pada masa hadapan. Bagaimanapun, sokongan pembangunan pelancongan pada masa hadapan bergantung kepada empat elemen utama iaitu peningkatan gaji, peluang pekerjaan, penyediaan kemudahan asas dan kemudahan kesihatan. Dengan itu, pembangunan Pulau Tioman perlu diteruskan kerana ia membawa impak positif dan berupaya membangunkan sosial masyarakat berdasarkan faktor keperluan pada masa hadapan. Untuk meransang penyertaan komuniti, pihak berkepentingan harus memberikan tumpuan kepada perkara yang boleh membawa manfaat kepada mereka agar setiap pembangunan dapat meningkatkan pendapatan, menjana peluang pekerjaan baru dan menambah pelbagai kemudahan asas serta meningkatkan kemudahan kesihatan.*

*Kata kunci: Pembangunan; pelancongan; Pulau Tioman; persekitaran fizikal; persekitaran manusia*

#### ABSTRACT

*Tourism development will impact the local community, either from the perspective of human (economic, social, cultural) or physical environment. If the progress is beneficial, future development will be supported. Hence, tourism development in Pulau Tioman involved the local community and is expected to bring the impact mentioned above. As an evidence, by using a set of questionnaires, a total of 228 Pulau Tioman's residents were interviewed to investigate whether they had been affected by the development of Pulau Tioman as a tourist destination. They were also interviewed on their support for the future development in Pulau Tioman. The Structural Equation Model (SEM) with Smart Partial Least Square (SmartPLS) software was used in this study. The results showed that the community is positively impacted either from the economic, social, culture or environmental aspect. They are also satisfied with the impact, and the most significant impact is the social impact; followed by environmental, cultural and economic impacts. Hence, the local community supports the future development of the island. However, their support is dependent upon four major elements; and those are increase in salary, employment opportunities, as well as better basic and health facilities. As for policy implication, in order to stimulate the participation and ensuring support from the local community, the stakeholders should focus on what may be beneficial to the community.*

*Keywords: Development; tourism; Tioman Island; physical environment; human surroundings*

## PENGENALAN

Pembangunan industri pelancongan secara amnya mesti membawa manfaat atau impak kepada komuniti. Hal ini kerana, industri pelancongan adalah berintensifkan buruh dan seharusnya buruh ini terdiri dari komuniti tempatan. Malah, pembangunan industri pelancongan yang berasaskan alam sekitar terutamanya, penglibatan komuniti tempatan adalah sangat penting kerana komuniti ini lebih sensitif kepada persekitaran di sekeliling mereka. Beberapa kajian seperti Ko dan Stewart (2002), Látková dan Vogt (2012), Upchurch dan Teivane (2000), Shukor et al. (2014), Kim, Uysal dan Sirgy (2013) dan Dyer et al. (2007) jelas menyokong bahawa pembangunan pelancongan perlu membawa impak positif kepada komuniti untuk kelestarian pembangunan.

Kerap kali juga impak kepada komuniti dengan membangunkannya sesuatu destinasi itu sebagai destinasi pelancongan adalah berbentuk negatif. Keadaan ini tidak dapat dinafikan, malah perlu diatasi. Ini kerana kelangsungan destinasi tersebut sebagai destinasi pelancongan adalah sangat berkait rapat dengan kepuasan komuniti terhadap impak yang mereka peroleh sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Menyedari kepentingan hubungan antara kepuasan komuniti dengan pembangunan industri pelancongan serta kaitan dengan sokongan pembangunan pada masa hadapan, satu tinjauan terhadap perkara ini telah dilakukan.

Pulau Tioman menjadi destinasi pilihan kajian memandangkan pulau ini merupakan antara salah sebuah Taman Laut Malaysia yang giat dibangunkan sebagai destinasi pelancongan berasaskan pulau dan taman laut. Pulau ini terletak dalam negeri Pahang, Malaysia. Ia terbentuk daripada sejumlah sembilan (9) buah pulau iaitu Pulau Tulai, Pulau Labas, Pulau Chebeh, Pulau Sepoi, Pulau Gut, Pulau Seri Buat, Pulau Sembilang, Pulau Tokong Bara dan Pulau Tioman.

Dengan status sebagai sebuah taman laut, pembangunan pelancongan yang dilaksanakan di pulau tersebut seharusnya dilakukan secara berhati-hati dan sangat terancang. Ini kerana persekitaran (fauna dan flora) pulau adalah sangat rapuh dengan pembangunan yang dilakukan. Kebanjiran terlalu ramai pelancong dalam satu-satu masa juga mungkin boleh mengganggu ekologi pulau ini.

Selain itu, dengan penggezetan pulau sebagai taman laut, pastinya telah menghalang aktiviti

utama penduduk tempatan pulau tersebut yang pada suatu ketika dahulu adalah nelayan. Ini bermakna, aktiviti ekonomi komuniti telah terganggu dan mereka perlu mencari sumber ekonomi yang baharu. Dengan membangunkannya Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan, ini merupakan suatu nafas baru untuk mereka. Justeru itu, pembangunan pulau ini sebagai destinasi pelancongan perlulah membawa impak kepada mereka sama ada dalam bentuk impak, ekonomi, sosial, fizikal mahupun alam sekitar.

Objektif kajian adalah untuk melihat tahap kebersetujuan terhadap impak ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar yang diperoleh komuniti dengan pembangunan pelancongan di Pulau Tioman. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat tahap kepentingan faktor yang menyokong pembangunan pelancongan pada masa hadapan. Sekiranya, pembangunan pelancongan memberi kesan negatif kepada komuniti, adalah menjadi tanggungjawab pihak berwajib untuk mengatasi permasalahan dan menyemak semula kaedah pembangunan pelancongan yang dilakukan. Sebaliknya, jika pembangunan memberi kesan positif kepada komuniti tempatan, ia juga menjadi tanggungjawab pihak berwajib mengetahui faktor-faktor yang akan menyokong pembangunan pelancongan pada masa hadapan. Maka, adalah diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi panduan kepada pihak berkepentingan untuk mengambilkira pandangan dari komuniti tempatan.

Skop kajian ini dilakukan hanya di Pulau Tioman dan aspek kajian meliputi ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar serta faktor penentu yang menyokong pembangunan pelancongan pada masa hadapan. Kerangka kepada perbincangan bagi kajian ini adalah diikuti oleh perbincangan kajian lepas, kaedah kajian, hasil kajian serta implikasi dan kesimpulan.

## KAJIAN LEPAS DAN HIPOTESIS KAJIAN

Teori pembangunan ekonomi (Rostow 1956) dimana pembangunan harus dinikmati oleh golongan komuniti yang akhirnya berjaya mengubah mereka kepada masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Justeru itu, setiap pembangunan ekonomi yang melibatkan komuniti haruslah menerima impak daripada pembangunan tersebut termasuklah pembangunan pelancongan. Pembangunan pelancongan haruslah

mengambil kira kesan kepada komuniti tempatan dari segi ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Ini kerana, pelancongan secara langsung melibatkan interaksi dengan komuniti tempatan. Malah, ia merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan sesebuah kawasan pelancongan (Begum et al. 2014; McGehee & Andereck 2004; Deery, Jago, & Fredline 2012).

Menurut Ko dan Stewart (2002), Kuvan & Akan (2005), Shukor et al. (2014), Almeida-García et al. (2016) pembangunan pelancongan mengambil kira faktor ekonomi, sosial dan budaya komuniti tempatan serta alam sekitar sebagai penentu pembangunan. Faktor-faktor ini mempunyai kesan rantaian antara satu sama lain. Sekiranya pembangunan pelancongan hanya memberi penekanan kepada faktor ekonomi sahaja tanpa mengambil kira kesan kepada alam sekitar, maka pembangunan yang dijalankan adalah tidak lestari. Menurut Godfrey (1998) kelestarian pembangunan adalah memelihara persekitaran alam sekitar dan pada masa memperoleh industri pelancongan yang sihat.

Ko dan Stewart (2002) dalam kajian di Cheju Island in Korea menyatakan bahawa pembangunan pelancongan dapat membuka peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Kajian mereka disokong oleh hasil kajian oleh Deng et al. (2016). Penjanaan peluang pekerjaan menjana sumber pendapatan yang menyumbang kepada peningkatan taraf hidup mereka sebagaimana dapatan kajian oleh Látková dan Vogt (2012) dan Upchurch dan Teivane (2000). Malah, ia merupakan sumber pendapatan utama bagi keluarga di pantai Mediterranean Turki (Kuvan & Akan 2005). Namun begitu, pertambahan jumlah pelancong akan meningkatkan permintaan barang dan perkhidmatan. Akibatnya harga barang dan perkhidmatan meningkatkan (Ko & Stewart 2002, Dyer et al. 2007, Zaidan 2016). Manakala kajian oleh Tosun (2006) di Urgup dan Ankara menunjukkan bahawa pelancongan kurang memberi sumbangan kepada komuniti. Hal ini kerana komuniti tempatan belum sesuai dengan budaya perniagaan dalam sektor pelancongan. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Ibrahim (2001) di Pulau Redang, Malaysia menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan belum dapat membawa pulangan sosial dan ekonomi yang wajar kepada komuniti tempatan. Walau bagaimanapun, pelancongan dapat menarik komuniti tempatan terlibat dalam sektor pelancongan yang dianggap mempunyai masa depan dan jaminan kehidupan komuniti tempatan.

Bagi aspek budaya pula, menurut kajian yang dilakukan oleh Shukor et al. (2014) di Malaysia menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan memberi impak positif kepada budaya komuniti tempatan. Mereka menyedari bahawa aktiviti kebudayaan boleh dijadikan sebagai alat pelancongan untuk dipersembahkan dan dipamerkan kepada pelancong serta tujuan pertukaran budaya. Mereka juga dapat menubuhkan kumpulan kebudayaan sebagai salah satu cara mengekalkan tradisi tempatan. Hasil kajian ini seiring dengan dapatan kajian dari Kim, Uysal dan Sirgy (2013) menunjukkan bahawa pertukaran budaya antara penduduk dan pelancong amat berharga bagi komuniti tempatan.

Bagi aspek sosial, pembangunan pelancongan memberi kesan kepada cara hidup komuniti tempatan. Misalnya, komunikasi antara komuniti tempatan dan pelancong asing menggunakan bahasa English sebagai bahasa pengantar. Hal ini secara langsung dapat melancarkan pertuturan dan meningkatkan keyakinan berkomunikasi komuniti tempatan. Namun begitu, ia akan merubah struktur sosial dan keluarga yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan pelancong (Dyer et al. 2007). Akan tetapi, pembangunan pelancongan dapat mencegah dan mengurangkan jenayah serta gejala sosial di kawasan mereka. Hal ini kerana, mereka mempunyai pekerjaan kesan daripada pembangunan pelancongan (Lankford 1994).

Menurut Upchurch dan Teivane (2000) kajian yang dilakukan di Riga, Latvia menunjukkan bahawa peningkatan dan pertambahan jumlah pelancong akan menyebabkan pencemaran alam sekitar di kawasan mereka. Manakala menurut Kuvan dan Akan (2005) kajian di pantai Mediterranean Turki menunjukkan bahawa pihak berkuasa tempatan dilihat gagal dalam menjalankan pengurusan yang baik dan pertimbangan saksama dalam peruntukan dan penggunaan tanah. Hal ini kerana, kawasan berkenaan merupakan tapak aktiviti penyelidikan. Oleh itu, jika pihak berkuasa gagal menguruskan penggunaan tanah, ia akan menjejaskan aktiviti penyelidikan. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Kim, Uysal dan Sirgy (2013) di Virginia menunjukkan bahawa pelancong menghasilkan sisa dalam kuantiti yang besar atau memusnahkan keindahan landskap hasil pembuangan sampah yang tidak di kawal.

Namun begitu, masalah berkaitan alam sekitar masih boleh ditangani. Pembangunan berkonsepkan 'geopark' di Geopark, Langkawi

yang merangkumi pemuliharaan alam semulajadi dan pemuliharaan geowarisan seperti monumen dan geotapak, merupakan satu pembangunan yang dilakukan secara terancang mampu mengekalkan alam sekitar. Ini kerana ianya melibatkan penyertaan komuniti tempatan yang mampu menguruskan alam sekitar di kawasan pelancongan tersebut dengan baik. Menurut Yusoff dan Aziz (2010) penyertaan komuniti tempatan dalam pembangunan Geopark dapat memastikan pembangunan pelancongan dan pemuliharaan alam sekitar dilakukan dengan baik. Manakala hasil penyelidikan oleh Komoo (2010) di Langkawi, Malaysia menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan melalui konsep Geopark merangsang komuniti tempatan untuk terlibat secara aktif menjaga kepelbagaian biologi secara berintegrasi.


Oleh itu, setiap pembangunan pelancongan di kawasan komuniti tempatan akan dinilai dan diamati sejauhmana pembangunan tersebut memberi sumbangan kepada mereka. Sekiranya, pembangunan pelancongan memberi kesan positif kepada komuniti tempatan, maka komuniti tempatan akan menyokong (Khoshkam, Marzuki & Al-Mulali 2016, Liao, So & Lam 2016) dan meraikan pembangunan pelancongan pada masa hadapan (Ko & Stewart 2002; Kuvan & Akan 2005).

Walau bagaimanapun, bagi tujuan mendapat sokongan pembangunan pelancongan pada masa hadapan, sekali lagi pembangunan haruslah mengambilkira keperluan dan peluang yang diperoleh oleh komuniti tempatan sama ada dalam aspek ekonomi, sosial, budaya mahupun alam sekitar. Menurut Hao, Long, & Kleckley

(2010) pembangunan pada masa hadapan perlu mengambilkira aspek jaminan pekerja, kenaikan pendapatan, kesihatan dan kemudahan fasiliti. Manakala menurut Tyrrell dan Johnston (2006) dan Dyer et al. (2007) hasil kajian mereka menunjukkan bahawa faktor ekonomi yang dilihat mempunyai pengaruh yang paling penting kepada pembangunan pelancongan pada masa hadapan. Hal ini kerana, faktor ekonomi dianggap sebagai jaminan kelangsungan hidup mereka. Manakala, menurut Zamani-Farahani & Musa (2008) menyatakan bahawa komuniti akan menyokong pembangunan pelancongan sekiranya pembangunan tersebut melibatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan.

Daripada perbincangan diatas dapat dirumuskan pembangunan pelancongan harus membawa impak positif kepada komuniti tempatan sama ada berbentuk ekonomi, sosial, budaya mahupun alam sekitar. Impak ini pasti akan membawa kepada kepuasan komuniti tempatan. Natijah daripada kepuasan ini, komuniti akan menyokong kepada pembangunan pada masa hadapan dengan syarat pembangunan ini dapat membawa kepada perubahan dalam beberapa aspek seperti peningkatan kemudahan asas, tingkat pendapatan, peluang pekerjaan dan kemudahan kesihatan.

Berpandukan kajian lepas, kajian ini bertujuan melihat hubungan antara faktor-faktor dalam satu kajian menyeluruh di destinasi pelancongan Pulau Tioman dan mengenalpasti faktor yang menyokong pembangunan pada masa hadapan. Model bagi kajian ini adalah seperti digambar dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Model Penyelidikan

Hipotesis bagi kajian seperti Rajah 1 adalah seperti berikut:

- Hipotesis 1 (H 1): Terdapat hubungan positif antara faktor ekonomi dan kepuasan keseluruhan komuniti tempatan.
- Hipotesis 1 (H 2): Terdapat hubungan positif antara faktor sosial dan kepuasan keseluruhan komuniti tempatan.
- Hipotesis 1 (H 3): Terdapat hubungan positif antara faktor budaya dan kepuasan keseluruhan komuniti tempatan.
- Hipotesis 1 (H 4): Terdapat hubungan negatif antara faktor alam sekitar dan kepuasan keseluruhan komuniti tempatan.
- Hipotesis 1 (H 5): Terdapat hubungan langsung antara kepuasan keseluruhan komuniti tempatan dan penentu sokongan pembangunan pelancongan pada masa hadapan.

## KAEDAH KAJIAN

### LOKASI KAJIAN

Pulau Tioman ialah pulau yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia dengan keluasan 13,360 hektar, 134 km persegi, 39 km panjang dan 12 km lebar. Pulau ini mempunyai pesisir pantai lebih kurang 69 km, di mana 29 km (42%) merupakan pantai berpasir manakala 58% lagi terdiri daripada cenuram dan tanjung tinggi yang berbatu.

Lokasi pulau ini terletak di antara sempadan Pahang dan negeri Johor. Pulau ini merupakan sebuah pulau dalam daerah Rompin, Pahang dengan jarak 36 batu nautika dari Tanjong Gemok, Pahang. Pengangkutan air merupakan pengangkutan utama dari jeti Mersing. Jeti ini merupakan jeti yang paling popular di kalangan pelancong ke Pulau Tioman. Waktu yang paling sesuai untuk ke Pulau Tioman adalah dari Mac hingga Oktober. Pada waktu ini cuaca baik dan laut tidak bergelora.

Pulau ini mempunyai sekurang-kurangnya Sembilan (9) buah kampung dan lebih kurang 3,000 orang penduduk yang menetap dan bekerja di pulau, biasanya sebagai nelayan, pekerja resort dan lain-lain. Aktiviti utama pelancongan di Pulau Tioman seperti menyelam scuba dan snorkeling bagi menikmati 183 spesies terumbu karang dan pelbagai jenis ikan. Selain itu, terdapat juga aktiviti bersiar-siar menaiki bot melihat persekitaran Pulau Tioman dan aktiviti '*rock climbing*' di Kampung Juara dan Kampung Mukut. Terdapat kira-kira 78 buah resort dan calet di Salang, Air Batang, Tekek, Paya, Genting, Mukut dan Juara yang dibina

dengan jumlah keseluruhan bilik 2,089 dengan 50 peratus dikategorikan sebagai mewah, 30 peratus sederhana dan 20 peratus sebagai bilik bajet.

Pada tahun 2012, jumlah kedatangan pelancong mengunjungi Pulau Tioman merekodkan kedatangan seramai 214,482 pelancong, manakala pada tahun 2014 pula, seramai 268,784 pelancong meningkat daripada 232,102 pelancong pada tahun 2013.

### SAMPEL DAN INSTRUMEN KAJIAN

Pemilihan sampel dilakukan secara persampelan rawak bebas. Seramai 228 responden daripada 3,000 orang komuniti tempatan terlibat dalam kajian ini. Jumlah ini ditetapkan berdasarkan justifikasi bahawa jumlah tersebut dirasakan memadai untuk mewakili populasi komuniti penduduk Pulau Tioman. Dengan cara ini taburan responden adalah lebih menyeluruh dan berupaya untuk memberikan penilaian tentang kesan pembangunan pelancongan terhadap ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar.

Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik. Borang ini mengandungi empat (4) bahagian utama dan diedarkan kepada komuniti penduduk Pulau Tioman. Bahagian pertama adalah berkaitan maklumat demografi penduduk Pulau Tioman. Soalan-soalan tersebut merangkumi aspek berkenaan jantina, bangsa, status perkahwinan, pekerjaan tetap, latar belakang pendidikan, dan pendapatan kasar bulanan.

Bahagian kedua berkenaan soalan-soalan berkaitan kesan pembangunan pelancongan kepada penduduk tempatan. Faktor ini dipecahkan kepada empat (4) iaitu ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Semua faktor tersebut diambil kira berdasarkan hujah dalam kajian lepas. Penyelidik lepas telah menyenaraikan item atau dimensi bagi faktor ekonomi, budaya, sosial dan alam sekitar (Ko & Stewart 2002; Kuvan & Akan 2005; Shukor et al. 2014). Penyelidik lepas juga menyatakan faktor atau elemen yang menyokong pembangunan pada masa hadapan (Hao, Long, & Kleckley 2010; Tyrrell & Johnston 2006; Dyer et al. 2007; Zamani-Farahani & Musa 2008). Maka, pengkaji telah mengubah suai item atau dimensi bagi faktor agar bersesuaian dengan lokasi dan objektif kajian. Kesemua soalan menggunakan skala likert lima (5) mata meliputi mata 1 untuk "sangat tidak bersetuju" hingga mata 5 untuk "sangat bersetuju" terhadap impak ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar.

Bahagian ketiga berkenaan tahap kepuasan pembangunan plancongan secara keseluruhan bagi faktor ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Kesemua soalan menggunakan skala likert lima (5) mata meliputi mata 1 untuk “sangat tidak puas” hingga mata 5 untuk “sangat puas”.

Manakala keempat berkaitan dengan faktor keperluan yang menyokong pembangunan plancongan pada masa hadapan. Semua faktor tersebut diambil kira berdasarkan hujah dalam kajian lepas dan diubah suai agar bersesuaian dengan lokasi dan objektif kajian. Kesemua soalan menggunakan skala likert lima (5) mata meliputi mata 1 untuk “sangat tidak penting” hingga mata 5 untuk “sangat penting”.

Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden melalui kaedah temu bual secara bersemuka. Pengkaji menjadi pemudah cara kepada responden bagi menjawab borang soal selidik. Hal ini dapat membantu responden sekiranya terdapat soalan yang tidak difahami dan dapat memastikan responden menjawab borang solidik dengan tepat tanpa bias. Disamping itu, temu bual bersemuka dapat memastikan borang selidik yang telah diedarkan kepada responden dikembalikan semula.

#### KAEDAH ANALISIS

Kajian ini menggunakan kaedah *Structural Equation Model* (SEM) dengan mengguna perisian SmartPLS. SmartPLS menjadi pilihan kerana ia dapat menganggarkan output dengan jumlah data yang kecil (Henseler, Ringle & Sinkovics 2009). Ia juga digunakan kerana dikhususkan untuk menganggar persamaan struktur model berdasarkan nilai *varian*.

Berdasarkan SmartPLS, data yang diperoleh dari kajian lapangan akan dibangunkan dan diuji mengikut tiga tahap berikut iaitu pembolehubah moderator, mediator, dan kawalan (*control variables*).

Manakala model SEM digunakan untuk menganalisis hubungan antara pembolehubah dengan persamaan linear mewakili hubungan sebab dan akibat antara pembolehubah. Penggunaan SEM melibatkan empat analisis utama iaitu statistik deskriptif (min), *confirmatory factor analysis* (CFA), penilaian pengukuran model dan ujian *path coefficient*. Ujian statistik deskriptif meliputi kekerapan dan min. Manakala CFA

adalah berasaskan item *outer loading* untuk mengkaji kekuatan setiap item pemboleh ubah yang dikaji. Manakala penilaian pengukuran model menggunakan ujian *Cronbach Alpha* (CA), *Composite Reliability* (CR) dan *Average Variance Extracted* (AVE) digunakan untuk menilai kesahan data. Ujian *path coefficient* pula digunakan untuk menguji status hubungan dan kepentingan antara pemboleh ubah.

#### HASIL KAJIAN

Perbincangan hasil kajian dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu demografi responden, analisis min dan *outer loading*, penilaian pengukuran model dan penilaian struktur model.

#### DEMOGRAFI RESPONDEN

Kajian ini telah mendapat kerjasama dan maklumbalas daripada 228 orang komuniti penduduk Pulau Tioman. Berdasarkan Jadual 1, Sebanyak 60.1 peratus responden adalah lelaki dan 39.9 peratus adalah perempuan. Daripada aspek bangsa, didapati sebanyak 92.5 peratus terdiri daripada bangsa Melayu dan 6.6 peratus adalah berbangsa Cina serta baki 0.9 peratus adalah India. Dari segi status perkahwinan, 135 orang sudah berkahwin dan 93 orang adalah bujang.

Sekitar 48.2 peratus responden berumur antara 26 - 35 tahun dan 21.5 peratus antara 36 - 45 tahun. Selebihnya masing 18.9 peratus dan 11.4 peratus berumur bawah 25 tahun dan lebih daripada 46 tahun. Dalam aspek pendidikan para responden yang mempunyai taraf pendidikan sekolah menengah merupakan peratusan yang paling tinggi iaitu 59.6 peratus. Dari segi pekerjaan pula, kebanyakan mereka bekerja sendiri iaitu 65.5 peratus (154 orang). Selebihnya bekerja di sektor swasta (21.9 peratus) dan sektor awam (10.5 peratus). Sebanyak 52.2 peratus mempunyai sumber pendapatan bulanan dibawah RM 1 499. Ini diikuti oleh kumpulan pendapatan antara RM 1 500 – RM 2 999 iaitu 30.7 peratus. Bagi responden yang mempunyai pendapatan antara RM 3 000 - RM 4 499 adalah 8.8 peratus dan RM 4 500 - RM 5 999 adalah 4.8 peratus. Manakala sejumlah 2.2 peratus responden yang mempunyai pendapatan antara RM 6 000 - RM 7 499 dan sejumlah 1.3 peratus responden mempunyai pendapatan antara RM 7 500 - RM 9 000.

JADUAL 1. Demografi Responden Pulau Tioman

Maklumat	Jumlah	Peratus (%)
Jantina:		
Lelaki	137	60.1
Perempuan	91	39.9
Bangsa:		
Melayu	211	92.5
Cina	15	6.6
India	2	0.9
Status perkahwinan:		
Belum Berkahwin	135	59.2
Berkahwin	93	40.8
Umur:		
Bawah 25 tahun	43	18.9
26 – 35 tahun	110	48.2
36 – 45 tahun	49	21.5
46 tahun ke atas	26	11.4
Tahap pendidikan		
Tiada pendidikan formal	8	3.5
Sekolah rendah	38	16.7
Sekolah menengah	136	59.6
Diploma	36	15.8
Ijazah	10	4.4
Pekerjaan tetap		
Bekerja sendiri	154	67.5
Sektor Swasta	50	21.9
Sektor Awam	24	10.5
Purata pendapatan bulanan:		
Bawah 1499	119	52.2
1500-2999	70	30.7
3000-4499	20	8.8
4500-5999	11	4.8
6000-7499	5	2.2
7500-9000	3	1.3

Sumber: Penyelidikan 2014

### Analisis Min dan Outer Loading

Jadual 2 menunjukkan ujian min dan *outer loading* bagi item-item setiap faktor ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Ujian min dijalankan untuk menilai tahap kebersetujuan responden bagi item-item setiap faktor. Item faktor terdiri daripada 12 item bagi ekonomi, sembilan (9) item bagi sosial, 11 item bagi budaya dan 10 item bagi alam sekitar. Bagi kepuasan keseluruhan pula terdiri daripada empat (4) item. Seterusnya, faktor penentu kepada pembangunan pelancongan pada masa hadapan terdiri daripada empat (4) elemen utama iaitu tingkat pendapatan, peluang Pekerjaan, kemudahan asas dan kemudahan Kesihatan.

Hasil ujian deskriptif min menunjukkan bahawa semua item menunjukkan nilai min 2.5 dan ke atas dengan mengguna skala lima (5) mata Likert, skala min di bawah 2.5 dikategorikan sebagai tidak setuju/puas/penting, manakala skala min 2.5 ke atas dianggap sebagai setuju/puas/penting (Salleh et al. 2011). Hasil ujian ini menunjukkan bahawa semua item yang dinyatakan oleh respoenden berada pada tahap “setuju/puas/penting”.

Manakala ujian *outer loading* pula, dilaksanakan untuk menilai item-item setiap faktor agar berada pada tahap varian yang tinggi iaitu nilai loading mesti melebihi 0.40. Jika terdapat item mempunyai nilai kurang daripada 0.40, maka ia akan dipadamkan atau dihapuskan (Hair et al. 1998,

Hulland 1999). Nilai 0.4 dan keatas ini menjelaskan indikasi bahawa item-item berada pada kolerasi yang kuat. Hasil ujian ini mendapati bagi faktor ekonomi terdapat satu (1) item yang dipadamkan iaitu “mengurangkan jurang pendapatan penduduk”. Bagi faktor sosial pula, terdapat empat faktor yang dipadamkan iaitu “mengganggu kehidupan penduduk”, “menyebabkan duit

habis untuk membina kemudahan pelancong”, “menyebabkan harta benda awam rosak” dan “mengurangkan penghijrahan generasi muda ke bandar”. Seterusnya, tiga (3) item faktor alam sekitar dipadamkan iaitu “kualiti udara terjejas akibat banyak bot”, “membuat kawasan menjadi bising” dan “menyebabkan pencemaran air”.

JADUAL 2. Keputusan Min dan *Outer Loading*

Faktor/item	Min	Sisihan piawai	<i>Outer Loading</i>
<b>Persepsi Impak Ekonomi</b>			
1. Boleh memberikan peluang kerja.	4.289	0.945	0.712
2. Dapat menambah pendapatan sampingan keluarga	4.271	0.852	0.789
3. Meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan di kampung.	4.302	0.823	0.746
4. Mengurangkan jurang pendapatan penduduk	3.548	1.231	X
5. Hasil pendapatan yang dijana boleh menyumbang kepada pembangunan kampung.	3.973	0.938	0.649
6. Menggalakkan industri kraftangan tempatan.	3.864	1.104	0.494
7. Menggalakkan kepelbagaian aktiviti ekonomi (kedai runcit dan cenderamata)	4.280	0.812	0.710
8. Meningkatkan kuasa beli dan menyebabkan kualiti hidup yang lebih baik.	4.127	0.853	0.703
9. Membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk di kampung.	4.171	0.774	0.693
10. Meningkatkan kemudahan awam untuk penduduk tempatan.	3.903	1.032	0.559
11. Meningkatkan peluang kemahiran dan pengetahuan individu.	4.122	0.866	0.624
12. Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan.	4.162	0.902	0.734
<b>Persepsi Impak Sosial</b>			
1. Mengubah cara hidup.	3.868	1.090	0.516
2. Mengganggu kehidupan penduduk.	2.491	1.325	X
3. Menyebabkan duit habis untuk membina kemudahan pelancong.	2.464	1.232	X
4. Menyebabkan harta benda awam rosak.	2.434	1.234	X
5. Mengurangkan penghijrahan generasi muda ke bandar.	3.223	1.240	X
6. Meningkatkan kemahiran berkomunikasi.	4.210	0.844	0.643
7. Meningkatkan keselamatan kawasan.	3.763	1.017	0.800
8. Mengurangkan jenayah dan gejala sosial kawasan kampung.	3.574	1.160	0.756
9. Menyebabkan kesesakan kawasan riadah	2.846	1.276	X
<b>Persepsi Impak Budaya</b>			
1. Gaya hidup masyarakat tempatan dikekalkan.	3.973	1.065	0.690
2. Identiti / adat resam sebuah keluarga diperturunkan melalui proses sosialisasi.	3.644	1.091	0.708
3. Budaya tempatan dikomersialkan bagi memenuhi permintaan pelancong.	3.815	1.058	0.663
4. Membangunkan kumpulan kebudayaan.	3.748	1.134	0.772
5. Mewujudkan masyarakat cintakan budaya.	3.881	1.069	0.842
6. Mengetahui budaya luar.	3.956	0.960	0.488
7. Meningkatkan kesedaran budaya tempatan dalam kalangan penduduk	3.868	1.053	0.732
8. Mengekalkan rumah tradisional tempatan.	3.881	1.098	0.774
9. Mengekalkan sukan tradisional/rakyat masyarakat tempatan.	4.065	1.006	0.829
10. Pemuliharaan kawasan sejarah.	4.008	1.082	0.692
11. Memelihara identiti budaya masyarakat.	4.131	0.934	0.830



Persepsi Impak Alam Sekitar			
1. Menggalakkan pemuliharaan alam semula jadi.	4.202	0.918	0.779
2. Meningkatkan imej dan pemandangan kampung.	4.241	0.849	0.834
3. Meningkatkan tahap kebersihan kawasan kampung.	4.206	0.927	0.812
4. Kualiti udara terjejas akibat banyak bot.	3.065	1.353	X
5. Meningkatkan pengurusan sampah sarap.	3.978	1.072	0.533
6. Menggalakkan aktiviti kitar semula.	3.886	1.104	0.642
7. Melindungi hidupan liar seperti spesis burung migrasi.	3.833	1.085	0.662
8. Membangunkan lebih banyak taman dan kawasan rekreasi.	3.907	1.076	0.584
9. Membuat kawasan menjadi bising.	2.679	1.326	X
10. Menyebabkan pencemaran air.	2.741	1.375	X
Kepuasan Keseluruhan			
1. Secara keseluruhan, memberi manfaat sosial kepada masyarakat setempat.	3.847	0.996	0.706
2. Secara keseluruhan, aktiviti Pulau Tioman meningkatkan kualiti alam sekitar.	4.022	1.021	0.705
3. Secara keseluruhan, dapat mempelbagaikan dan memelihara aktiviti kebudayaan tempatan.	4.162	0.912	0.803
4. Secara keseluruhan memberi manfaat ekonomi kepada masyarakat setempat.	4.303	0.839	0.547
Penentu Sokongan Pembangunan Pelancongan Pada Masa Hadapan			
1. Tingkat pendapatan.	3.938	0.941	0.711
2. Peluang pekerjaan.	3.907	1.076	0.738
3. Kemudahan asas.	2.679	1.326	0.454
4. Kemudahan kesihatan.	2.741	1.375	0.774

*Penilaian Pengukuran Model*

Setelah melakukan ujian min dan *outer loading*, analisis penilaian pengukuran model dilakukan untuk menguji kesahan model yang dibina (Jadual 3). Pengukuran model mestilah memenuhi kriteria ujian *Cronbach's Alpha* (CA), *Composite Reliability* (CR), *Average Variance Extracted* (AVE) dan *Discriminant Validity Analyses*.

Nilai CA mesti antara 0.60 hingga 0.95 kerana nilai yang dianggap cemerlang adalah mencukupi sama atau melebihi 0.9, nilai dianggap sangat baik adalah antara 0.8 hingga 0.90, dianggap baik adalah antara 0.7 hingga 0.8, dan nilai boleh diterima adalah antara 0.6 hingga 0.7.

Ujian CA menunjukkan ini nilai antara 0.609 hingga 0.913. Hasil ujian CA menunjukkan bahawa semua item faktor mempunyai kolerasi yang sangat

kuat dan boleh dipercayai (Hair et al. (2007) ini kerana Hasil ujian CR mendapati bahawa semua faktor menunjukkan nilai yang konsisten dengan CA. Manakala ujian *Average Variance Extracted* (AVE) antara 0.541 hingga 0.591. Nilai AVE ini hendaklah sekurang-kurangnya 0.50 (Chin 1998). *Discriminant validity* biasanya diperiksa dengan membandingkan punca kuasa dua AVE dengan korelasi antara faktor tumpuan dan semua faktor lain. Faktor tumpuan perlu nilai lebih tinggi daripada faktor lain. (Chin, 1998). Ujian *Discriminant validity* antara setiap faktor adalah sangat diterima kerana nilai kolerasi punca kuasa dua AVE melebihi nilai punca kuasa dua faktor lain (Jadual 4). Oleh itu, analisis kebolehpercayaan dan pengesahan yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan pemusatan yang baik.

JADUAL 3. Keputusan *Cronbach's Alpha*, *Composite Reliability* dan *Average Variance Extracted*

Item	<i>Cronbach's Alpha</i>	<i>Composite Reliability</i>	<i>Average Variance Extracted (AVE)</i>
1. Persepsi Impak Budaya.	0.913	0.927	0.541
2. Persepsi Impak Ekonomi.	0.880	0.903	0.561
3. Persepsi Impak Alam Sekitar.	0.824	0.868	0.591
4. Kepuasan Keseluruhan.	0.636	0.787	0.584
5. Persepsi Impak Sosial.	0.619	0.778	0.573
6. Penentu Sokongan Pembangunan Pelancongan Pada Masa Hadapan.	0.609	0.770	0.564

*Penilaian Struktur Model* Selepas menganalisis kebolehpercayaan dan kesahihan model pengukuran, analisis selanjutnya akan menilai model struktur. Berdasarkan Jadual 4, semua nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) berada kurang daripada 10. Ini menunjukkan bahawa tidak

terdapat *collinearity* antara pemboleh ubah. Maka data yang digunakan adalah tidak bertindih. Nilai ini mewakili data berada dalam keadaan yang sangat baik. Nilai  $R^2$  menunjukkan 0.610 dan 0.115 *varians* pemboleh ubah bersandar dijelaskan oleh pemboleh ubah bebas.

JADUAL 4. Keputusan Analisis *Convergent*, *Discriminant Validity* dan *Variance Inflation Factor*

Item	Persepsi Impak Budaya	Persepsi Impak Ekonomi	Persepsi Impak Alam Sekitar	Kepuasan Keseluruhan	Persepsi Impak Sosial	Penentu Sokongan Pembangunan Pelancongan Pada Masa Hadapan	VIF
Persepsi Impak Budaya	0.735						1.804
Persepsi Impak Ekonomi	0.481	0.679					1.531
Persepsi Impak Alam Sekitar	0.620	0.524	0.701				1.910
Kepuasan Keseluruhan	0.687	0.564	0.644	0.696			-
Persepsi Impak Sosial	0.496	0.461	0.506	0.582	0.688		1.521
Penentu Sokongan Pembangunan Pelancongan Pada Masa Hadapan	0.366	0.491	0.359	0.411	0.378	0.681	1.000

JADUAL 5: *Path Analysis*

Faktor	Item Faktor	Coefficient	t-test
Persepsi Impak Ekonomi	1. Boleh memberikan peluang kerja.	0.712	13.737***
	2. Dapat menambah pendapatan sampingan keluarga	0.789	19.299***
	3. Meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan di kampung.	0.746	16.431***
	4. Hasil pendapatan yang dijana boleh menyumbang kepada pembangunan kampung.	0.649	12.329***
	5. Menggalakkan industri kraftangan tempatan.	0.494	6.352***
	6. Menggalakkan kepelbagaian aktiviti ekonomi (kedai runcit dan cenderamata)	0.710	13.510***
	7. Meningkatkan kuasa beli dan menyebabkan kualiti hidup yang lebih baik.	0.703	16.757***
	8. Meningkatkan kemiskinan dalam kalangan penduduk di kampung.	0.693	13.390***
	9. Meningkatkan kemudahan awam untuk penduduk tempatan.	0.559	8.009***
	10. Meningkatkan peluang kemahiran dan pengetahuan individu.	0.624	13.700***
	11. Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan.	0.734	20.618***
Persepsi Impak Sosial	1. Mengubah cara hidup.	0.516	5.405***
	2. Meningkatkan kemahiran berkomunikasi.	0.643	8.824***
	3. Meningkatkan keselamatan kawasan.	0.800	17.348***
	4. Mengurangkan jenayah dan gejala sosial kawasan kampung.	0.756	14.708***


Persepsi Impak Budaya	1. Gaya hidup masyarakat tempatan dikekalkan.	0.690	13.773***
	2. Identiti / adat resam sebuah keluarga diperturunkan melalui proses sosialisasi.	0.708	14.300***
	3. Budaya tempatan dikomersialkan bagi memenuhi permintaan pelancong.	0.663	11.268***
	4. Membangunkan kumpulan kebudayaan.	0.772	22.794***
	5. Mewujudkan masyarakat cintakan budaya.	0.842	36.274***
	6. Mengetahui budaya luar.	0.488	5.796***
	7. Meningkatkan kesedaran budaya tempatan dalam kalangan penduduk	0.732	15.644***
	8. Mengekalkan rumah tradisional tempatan.	0.774	23.687***
	9. Mengekalkan sukan tradisional/rakyat masyarakat tempatan.	0.829	31.828***
	10. Pemuliharaan kawasan sejarah.	0.692	14.085***
	11. Memelihara identiti budaya masyarakat.	0.830	31.675***
Persepsi Impak Alam Sekitar	1. Menggalakkan pemuliharaan alam semula jadi.	0.779	22.290***
	2. Meningkatkan imej dan pemandangan kampung.	0.834	34.403***
	3. Meningkatkan tahap kebersihan kawasan kampung.	0.812	25.652***
	4. Meningkatkan pengurusan sampah sarap.	0.533	6.534***
	5. Menggalakkan aktiviti kitar semula.	0.642	10.445***
	6. Melindungi hidupan liar seperti spesies burung migrasi.	0.662	11.262***
	7. Membangunkan lebih banyak taman dan kawasan rekreasi.	0.584	8.929***

Jadual 5 menunjukkan *path analysis* semua item faktor. Hasil ujian mendapati bahawa semua item menunjukkan berada pada keertian yang tinggi (0.01). Ini menunjukkan semua item berada pada tahap “penting” bagi setiap faktor yang diwaikilinya. Rajah 2 menunjukkan *path analysis* antara tahap kepuasan faktor ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar terhadap kepuasan pembangunan pelancongan. Hasil *path analysis* menunjukkan kekuatan hubungan diantara pemboleh ubah bebas, pemboleh ubah perantara dan pemboleh ubah bersandar. Nilai *Standardized paths* sekurang-kurangnya 0.20 iaitu boleh diterima dan nilai 0.30 keatas akan mempunyai hubungan yang kuat.

Hasil ujian *path analysis* terhadap semua hipotesis menunjukkan bahawa keempat-empat faktor mempunyai nilai *path coefficient* yang positif dan signifikan. Pertama, hipotesis 1 menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan masa kini memberi kesan ekonomi yang positif dan berada

pada tahap yang memuaskan dengan nilai  $\beta = 0.171$ ,  $t\text{-test} = 2.5142$  dan signifikan pada aras keertian 0.05. Manakala bagi hipotesis 2 bahawa hasil kajian menunjukkan hubungan positif antara aspek sosial dan pembangunan pelancongan masa kini dengan nilai beta 0.360 serta ia mempunyai tahap kepuasan yang tinggi dari aspek sosial dengan nilai  $t\text{-test} = 4.605$  signifikan 0.01.

Seterusnya, hasil ujian *path analysis* bagi kesan pembangunan pelancongan terhadap aspek budaya pula menunjukkan hubungan yang positif ( $\beta = 0.215$ ) serta mempunyai tahap kepuasan yang tinggi dengan nilai  $t = 3.252$  dan signifikan pada aras keertian 0.010. Bagi kesan alam sekitar akibat pembangunan pelancongan pelancongan, ia menunjukkan hubungan yang positif ( $\beta = 0.220$ ). Ini menunjukkan bahawa semakin banyak pembangunan pelancongan dilaksanakan semakin terjaga alam sekitar. Ini dibuktikan dengan nilai  $t\text{-test} = 3.796$  dan berada pada aras keertian 0.01.



RAJAH 2. Hasil Model Penyelidikan

Signifikan:  $***=0.010$ ,  $**=0.050$ ,  $*=0.10$ ,  $\beta$ =beta,  $t$ =t-test

Oleh kerana, hasil *path analysis* impak pembangunan pelancongan dari keempat-empat faktor membawa kesan positif. Maka, komuniti tempatan memberi sokongan kepada pembangunan pada masa hadapan. Kepuasan komuniti tempatan ini menyebabkan mereka menyokong pembangunan pada masa hadapan seperti yang ditunjukkan oleh pekali regresi *standard estimate* ( $\beta = 0.340$ ,  $t$ -test = 4.685 dan berada pada aras keertian 0.10). Walau bagaimanapun, sokongan pembangunan pelancongan pada masa hadapan bergantung kepada empat elemen utama iaitu kemudahan asas ( $\beta = 0.454$ ,  $t = 4.594^{**}$ ), peningkatan gaji ( $\beta = 0.774$ ,  $t = 10.891^{***}$ ), peluang pekerjaan ( $\beta = 0.711$ ,  $t = 10.146^{***}$ ) dan kemudahan kesihatan ( $\beta = 0.738$ ,  $t = 2.5142^{**}$ ). Daripada keputusan keempat-empat elemen faktor didapati bahawa elemen tersebut mempunyai hubungan yang sangat positif dan penting. Sekiranya ia dapat memenuhi elemen tersebut, maka pembangunan pelancongan pada masa akan mendapat sokongan penuh dari komuniti tempatan.

#### IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Cadangan polisi berdasarkan kepada penemuan kajian yang boleh digunakan secara khusus bagi pihak berwajib di Pulau Tioman.

Jelas daripada hasil kajian didapati secara keseluruhan komuniti tempatan Pulau Tioman dapat impak positif sama ada dari segi ekonomi, sosial, budaya mahupun alam sekitar. Komuniti berpuas hati dengan impak yang mereka peroleh mengikut urutan dengan impak yang paling terkesan kepada komuniti tempatan adalah sosial. Ini diikuti oleh alam sekitar, budaya dan ekonomi.

Melalui pembangunan pelancongan dari aspek sosial, pembangunan pelancongan meningkatkan keupayaan komuniti berkomunikasi dalam bahasa asing (Inggeris) dengan para pelancong. Pembangunan ini juga berupaya meningkatkan cara hidup. Penduduk lebih terdedah dengan unsur kemajuan dan kehidupan untuk mencapai tahap kualiti yang lebih baik. Dengan itu, sebagai cadangan kepada polisi, pengekalan Pulau Tioman sebagai destinasi. Pembangunan pulau perlu diteruskan kerana membawa impak positif dan berupaya membangunkan sosial masyarakat (Dyer et al. 2007).

Dari aspek alam sekitar juga pembangunan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan telah membawa peningkatan imej dan pemandangan kampung tradisional melayu. Selain itu, ia juga turut meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Justeru itu, galakan pemuliharaan alam sekitar melalui program mencegah dan mengawal pencemaran serta memperindahkan kualiti alam sekitar perlu ditingkatkan.

Pembangunan pulau sebagai destinasi pelancongan juga penting dari aspek budaya kerana ia membawa kepada pengukuhan budaya masyarakat dan berpeluang mengekalkan identiti penduduk tempatan. Natijahnya, identiti masyarakat komuniti tradisional Pulau Tioman tidak hilang.

Penglibatan ini kerap kali dirangsang oleh faktor tolakan ekonomi dalam bentuk meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan di kampung dengan memberikan peluang kerja kepada komuniti tempatan. Hasil kajian ini selari dengan penyelidik Sanggin (2009) di Sarawak, Malaysia, turut menyatakan bahawa pelancongan membuka peluang pekerjaan sama ada sepenuh masa atau separuh masa. Sebagai cadangan polisi, kelangsungan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan perlu dilakukan. Ini bagi menghalang penghijrahan keluar penduduk dari Pulau Tioman ke tanah besar.

Disamping itu untuk tujuan meransang penyertaan komuniti juga pihak berkepentingan harus memberikan tumpuan kepada beberapa perkara supaya pembangunan ini dapat meningkatkan pendapatan komuniti, menjana peluang pekerjaan baru dan meningkatkan pelbagai kemudahan asas. Tujuan perkara ini adalah tidak lain dari memastikan kelangsungan pembangunan pelancongan.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidik Muda UKM-DIPM-004-2011.

#### RUJUKAN

- Almeida-García, F., Peláez-Fernández, M. Á., Balbuena-Vázquez, A., & Cortés-Macias, R. 2016. Residents' perceptions of tourism development in Benalmádena (Spain). *Tourism Management* 54: 259-274.
- Begum, H., Er, A. C., Alam, A. F., & Sahazali, N. 2014. Tourist's perceptions towards the role of stakeholders in sustainable tourism. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 144: 313-321.
- Chin, W. W. 1998. The partial least squares approach to structural equation modeling. In G. A. Marcoluides (Ed.), *Modern Methods for Business Research*, 295-336. London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Deery, M., Jago, L., & Fredline, L. 2012. Rethinking social impacts of tourism research: A new research agenda. *Tourism Management* 33 (1): 64-73.
- Deng, J., McGill, D., Baxter, P., & Plaughner, G. 2016. Residents' Perceptions of Tourism Development in Appalachian Forest Heritage Area. *Tourism Travel and Research Association: Advancing Tourism Research Globally 2010 International Conference*.
- Dyer, P., Gursoy, D., Sharma, B., & Carter, J. 2007. Structural modeling of resident perceptions of tourism and associated development on the Sunshine Coast, Australia. *Tourism Management* 28 (2): 409-422.
- Godfrey, K. B. 1998. Attitudes towards 'sustainable tourism' in the UK: a view from local government. *Tourism Management* 19 (3): 213-224.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. 1998. *Multivariate data analysis*. NJ: Prentice Hall International, Inc.
- Hair, J., Money, A., Page, M., & Samouel, P. 2007. *Research methods for business*. Chichester, England: John Wiley & Son Ltd.
- Hao, H., Long, P., & Kleckley, J. 2010. Factors predicting homeowners' attitudes toward tourism: A case of a coastal resort community. *Journal of Travel research* 50(6): 627-640.
- Henseler, J., Ringle, C., & Sinkovics, R. 2009. The use of partial least squares path modeling in international marketing. *Advances in International Marketing* 20: 277-320.
- Hulland, J. 1999. Use of partial least squares (PLS) in strategic management research: a review of four recent studies. *Strategic Management Journal* 20 (2):195-204.
- Ibrahim, Y. 2001. Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti Nelayan di Pulau Redang. *Akademika* 59(1): 95-116.
- Khoshkam, M., Marzuki, A., & Al-Mulali, U. 2016. Socio-demographic effects on Anzali wetland tourism development. *Tourism Management* 54: 96-106.
- Kim, K., Uysal, M., & Sirgy, M. J. 2013. How does tourism in a community impact the quality of life of community residents? *Tourism Management* 36: 527-540.
- Ko, D. W., & Stewart, W. P. 2002. A structural equation model of residents' attitudes for tourism development. *Tourism Management* 23(5):521-530.
- Komoo, I. 2010. Geopark sebagai peraga pembangunan lestari wilayah. *Akademika* 80:9-18.
- Kuvan, Y., & Akan, P. 2005. Residents' attitudes toward general and forest-related impacts of tourism: the case of Belek, Antalya. *Tourism Management* 26(5): 691-706.

- Lankford, S. V. 1994. Attitudes and Perceptions towards Tourism and Rural Regional Development. *Journal of Travel Research* 32(4): 35-43.
- Látková, P., & Vogt, C. A. 2012. Residents' attitudes toward existing and future tourism development in rural communities. *Journal of Travel Research* 51(1): 50-67.
- Liao, X. Y., So, S. I., & Lam, D. 2016. Residents' Perceptions of the Role of Leisure Satisfaction and Quality of Life in Overall Tourism Development: Case of a Fast-Growing Tourism Destination—Macao. *Asia Pacific Journal of Tourism Research* 21(10): 1100-1113.
- McGehee, N. G., & Andereck, K. L. 2004. Factors predicting rural residents' support of tourism. *Journal of Travel Research* 43(2): 131-140.
- Rostow, W. W. 1990. *The Stages of Economic Growth: A Non-Communist Manifesto*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Salleh, N. H. M., Sarmidi, T., Othman, R., Jaafar, A. H., & Ramli, R. M. 2011. Kepuasan dan kesetiaan pelancong domestik terhadap destinasi pelancongan Pulau Kapas (satisfaction and loyalty of domestic tourists towards the Kapas Island Marine Park). *Journal of Tropical Marine Ecosystem (EKOMAR)* 2: 10-21.
- Sanggin, S. E. 2009. Community involvement in culture and nature tourism in Sarawak. *Akademika* 77: 149-165.
- Shukor, M. S., Salleh, N. H. M., Othman, R., & Idris, S. H. M. 2014. Perception of homestay operators towards homestay development in Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 42: 3-17.
- Tosun, C. 2006. Expected nature of community participation in tourism development. *Tourism Management* 27(3): 493-504.
- Tyrrell, T. J., & Johnston, R. J. 2006. The economic impacts of tourism: a special issue. *Journal of Travel Research* 45(1): 3-7.
- Upchurch, R. S., & Teivane, U. 2000. Resident perceptions of tourism development in Riga, Latvia. *Tourism Management* 21(5): 499-507.
- Yusoff, N. H., & Aziz, R. A. 2010. Kelestarian Langkawi Geopark: penglibatan komuniti Kuala Teriang, Langkawi. *Akademika* 78: 95-101.
- Zaidan, E. 2016. The impact of cultural distance on local residents' perception of tourism development: The case of Dubai in UAE. *Turizam: Znanstveno-Stručni Časopis* 64 (1): 109-126.
- Zamani-Farahani, H., & Musa, G. 2008. Residents' attitudes and perception towards tourism development: A case study of Masooleh, Iran. *Tourism Management* 29(6): 1233-1236.

Norlida Hanim Mohd Salleh  
 Pusat Pengajian Ekonomi  
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mail: norlidahanim@gmail.com

Md Shafiq Shukor (corresponding author)  
 Pusat Pengajian Ekonomi  
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mail: ikhwan\_6101@yahoo.com

Siti Hajar Mohd Idris  
 Pusat Pengajian Ekonomi  
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mail: hajar@ukm.edu.my

Received: 12 August 2016  
 Accepted: 24 August 2017